**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 16 DISEMBER 2018 (AHAD)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
| --- | --- |
| Sinar Harian | |
| - Jalan berlubang ancam nyawa | 35 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>16 DISEMBER 2018 (AHAD) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Jalan berlubang ancam nyawa |
| Muka Surat | 35 |



SH 16/12/18 m/s 35.

# Jalan berlubang ancam nyawa

*Pengguna tanggung kos tinggi baiki kenderaan*

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG



Amirul Ghazali menunjukkan jalan berlubang dan tidak rata di Jalan Memanda 11.



Gambar tular di laman sosial seorang lelaki menutup lubang di Jalan Ampang Mewah.



Pengguna jalan mendakwa keadaan yang tidak rata mengakibatkan kenderaan mereka rosak.

Jalan berlubang dan kualiti turapan tidak sempurna mengakibatkan pengguna Jalan Memanda 1 dan Jalan Memanda 11, di sini terdedah risiko kemalangan.

Mereka mendakwa terpaksa membaiki kenderaan akibat kerosakan jalan itu.

Seorang pengguna, Mat Ismail, 50, berkata, jalan itu memberi gambaran negatif terutama kepada pelancong asing yang melawat Ampang Jaya," katanya.

Sementara itu, Amirul Ghazali, 22, berkata, pemandu terpaksa memperlahankan kenderaan apabila melalui jalan berkenaan yang didakwa rosak berpunca daripada projek pembangunan di kawasan itu.

"Ada penunggang motosikal hampir terjatuh ketika menggelak jalan itu. Apabila hujan jalan ini berlecak. Saya harap pihak berkenaan dapat mengatasinya dengan segera," katanya.

Seorang lagi pengguna yang mahu dikenali sebagai Loqman, 35, mengakui dia perlu lebih berhati-hati melalui jalan di sekitar Ampang terutama pada sebelah malam dan ketika hujan.

"Baru-baru ini saya terpaksa mengeluarkan wang hampir RM500 kerana mahu membaiki kenderaan akibat melalui jalan itu," katanya.

Tinjauan Sinar Harian mendapati Permukaan Jalan Memanda 1, Jalan Memanda 11 serta Jalan Ampang Mewah tidak rata dan rosak.

Difahamkan, kerosakan jalan terbabit berlarutan sejak dua bulan lalu.

Sebelum ini tular di laman sosial apabila penduduk di perumahan berkenaan menggunakan batu bata sebelum seorang lelaki menaiki basikal menutup lubang itu dengan tanah.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Norhayati Ahmad berkata perkara tersebut dalam tindakan pihak kontraktor untuk menampal semula jalan berkenaan demi keselesaan pengguna jalan raya," katanya.